



PROSIDING

BUGIS

SABAH

2007

*Memperkasa Citra
dan Jati Diri*

Penyunting:

Osman Hj. Jamal
Mustapa Abd Talip
Chacho Hj. Bulah





PROSIDING
BUGIS
SABAH
2007

*Memperkasa Citra
dan Jati Diri*

Penyunting

**Osman Hj. Jamal
Mustapa Abd Talip
Chacho Hj. Bulah**



Persatuan Kebajikan Bugis Sabah
(PKBS)



Penerbit Universiti Malaysia Sabah

Kandungan

Sekapur Sirih	vii
<i>Y.A.B. Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Haji Aman</i>	
Sejarah Awal Komuniti Bugis di Tawau, Sabah 1882-1931	1
<i>Suraya Sintang & Mohd. Sarim Hj. Mustajab</i>	
Memperkukuh Modal Insan Melalui Pendidikan: Suatu Pencelitian Pemantapan Jati Diri Komuniti Bugis Sabah	25
<i>Mustapa Abd Talip</i>	
Penglibatan, Peranan dan Sumbangan Komuniti Bugis Sabah dalam Bidang Ekonomi dan Sumber Manusia di Sabah	41
<i>Arsiah Hj. Bahron</i>	
Isu, Cabaran dan Masa Depan Komuniti Bugis Sabah	59
<i>Osman Hj. Jamal</i>	
Menjana Bangsa Bermaruah, Progresif dan Dihormati serta Berminda Kelas Pertama: Kronologi Seminar Komuniti Bugis Sabah	73
<i>Chacho Hj. Bulah</i>	
Lampiran	94

© Universiti Malaysia Sabah, 2008

Semua hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan prosiding ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Seminar Komuniti Bugis Sabah, (2007)

Memperkasa citra dan jati diri : prosiding Seminar Komuniti Bugis Sabah 2007 / penyunting Osman Hj. Jamal, Mustapa Abd Talip, Chacho Hj. Bulah.

ISBN 978-967-522-407-2

1. Bugis (Malay people)--Sabah--History--Congresses,
 2. Bugis (Malay people)--Sabah--Social conditions--Congresses,
 1. Bugis (Malay people)--Sabah--Congresses. I. Osman Hj. Jamal. II. Mustapa Abd Talip. III. Chacho Haji Bulah. IV. Judul
- 305.89923059521

Dicetak oleh

I-Teamwork (M) Sdn Bhd

SEKAPUR SIREH

Y.A.B. Ketua Menteri Sabah

Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh,

Syukur kehadiran Ilahi kerana Seminar Komuniti Bugis Sabah anjuran Persatuan Kebajikan Bugis Sabah (PKBS) dapat dijayakan buat julung-julung kalinya pada tahun 2007 ini. Syabas dan tahniah kepada Ahli Jawatankuasa Pelaksana Seminar Komuniti Bugis Sabah (SKBS) yang telah bertungkus lumus menjayakan program ini. Saya berharap agar aktiviti seperti ini dapat diteruskan dari masa ke semasa demi kepentingan seluruh warga di negeri ini.

Aktiviti seperti ini adalah wadah kepada pembentukan jatidiri bangsa yang telah lama bertapak di negeri ini dan bersama membentuk negara Malaysia yang kita cintai ini. Komuniti Bugis yang wujud di negeri ini merupakan salah satu suku kaum yang turut memberi sumbangan dalam kelompok sosio-politik dan ekonomi negara ini. Walaupun suku kaum ini sering dikaitkan dengan negara leluhur mereka namun masyarakat yang telah lama bermastautin dan dilahirkan serta menjadi warganegara Malaysia telah berbakti tanpa berbelah bahagi demi kesejahteraan dan kemajuan negeri ini. Semoga dengan berlangsungnya seminar ini, masyarakat luar dapat menerima dan mengiktiraf komuniti ini demi kesejahteraan hidup bersama. Saya menyokong penuh usaha yang telah dilakukan dalam menganjurkan seminar ini. Semoga semangat dan usaha jitu yang telah dipupuk dalam perlaksanaan seminar ini dapat diteruskan untuk mencapai kecemerlangan yang bukan hanya untuk kepentingan suku bangsa semata-mata, malah demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Saya berharap agar majlis ini dijadikan sebagai satu landasan oleh setiap masyarakat Bugis untuk terus berbakti kepada negara seterusnya meningkatkan semangat kecintaan kepada Negeri Sabah dan Negara Malaysia amnya.

Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan seminar ini.

Sekian, wassalam

Datuk Sri Musa Haji Aman
Ketua Menteri Sabah
24 Jun 2007

PRAKATA

Perbincangan yang menyentuh masyarakat Bugis Sabah agak jarang dilakukan. Begitu juga dengan penerbitan bahan-bahan ilmiah bercetak amat sukar ditemui. Tidak banyak yang diketahui tentang latar belakang masyarakat Bugis Sabah kecuali dalam karya sarjana Barat yang hanya menyentuh sedikit sejarah awal masyarakat ini. Persidangan komuniti Bugis Sabah yang julung kali diadakan membuka lembaran baru dalam perkembangan komuniti ini. Persidangan yang berjaya menghimpunkan komuniti Bugis dari pelusuk negeri Sabah dilihat sebagai satu platform yang boleh dijadikan landasan untuk berbincang, mengupas dan menentukan hala tuju komuniti ini pada abad mendatang. Dalam skop yang lebih besar, persidangan ini diharapkan mampu menjana penyelidikan dan perbahasan yang boleh dimanfaatkan oleh komuniti ini. Bertitik tolak daripada persidangan inilah maka timbul ilham untuk mengumpul bahan-bahan ilmiah berkaitan masyarakat Bugis Sabah untuk dijadikan rujukan generasi muda Bugis dan masyarakat Sabah amnya. Prosiding ini merupakan kompilasi hasil pembentangan ilmuwan dalam bidang masing-masing di Persidangan Komuniti Bugis Sabah yang diadakan pada tahun 2007 di Tawau, Sabah.

Seminar ini mengandungi lima kertas kerja pembentangan yang membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan masyarakat Bugis Sabah daripada aspek sejarah, modal insan, ekonomi dan cabaran masa hadapan. Pembentangan pertama membincangkan sejarah awal masyarakat Bugis Sabah yang bermula sejak tahun 1857 dengan membina petempatan pertama di Tawau, Sabah. Perkembangan masyarakat Bugis bermula dengan kejayaan komuniti ini dalam bidang ekonomi dengan penglibatan tokoh-tokoh awal Bugis seperti Puado, Daeng Pasawa, Haji Chanok, Haji Milo, Daeng Mapatta dan beberapa yang lain, menjadikan mereka lebih dikenali sebagai pedagang, tuan tanah, pekedai runcit dan pengusaha perkapalan menangkap ikan. Perpaduan yang begitu kukuh dalam komuniti ini dilihat sebagai salah satu ciri yang unik. Konsep perpaduan ini dapat dilihat dari sudut penglibatan orang Bugis dalam kegiatan kemasyarakatan seperti kepimpinan, pembinaan masjid dan perkahwinan campur. Kehadiran tokoh-tokoh awal Bugis yang berperanan sebagai pengasas beberapa kawasan petempatan di Tawau merupakan fakta penting terhadap perkembangan sejarah awal Borneo Utara sejak zaman penjajahan British.

khasnya dan dunia Melayu amnya ingin dilakarkan sebagai bangsa terbilang di persada dunia dalam era globalisasi ini.

Sesuatu bangsa akan diiktiraf sebagai bangsa cemerlang, gemilang dan terbilang jika komuniti bangsa tersebut dapat memartabatkan diri mereka dan seterusnya berupaya mengangkat bangsa itu sebagai aset negara. Antara faktor terpenting yang menyumbang kepada kegemilangan bangsa untuk melctakkan bangsa itu sebagai bangsa yang diiktiraf dan menjadi aset negara ialah keupayaan untuk menguasai bidang ilmu dalam pelbagai pengkhususan dan disiplin, berupaya mentransformasi atau memperkasa jati diri sebagai modal insan kelas pertama dari segi pemikiran dan tindakan, proaktif melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan dan program perdana kerajaan dan membudayakan komuniti sebagai rakyat Malaysia dalam semua sudut. Dalam hal ini, komuniti Bugis Sabah perlu menyedia dan membekalkan diri dengan semangat baru, membentuk hala tuju baru, menguasai ilmu dalam pelbagai bidang untuk membentuk pemikiran kelas pertama, bersedia membudayakan perubahan dan sebagainya. Komuniti Bugis secara proaktif perlu menyertai pelbagai sektor ekonomi untuk menjadi aset kerajaan dan negara. Perkara inilah yang menjadi isu dan cabaran yang perlu ditangani dan direalisasikan oleh komuniti Bugis Sabah, jika komuniti ini ingin mencapai kejayaan besar sebagai bangsa rumpun Melayu Malaysia yang perkasa dan terbilang.

Penutupan seminar diakhiri dengan penggulungan seminar yang mengupas komuniti Bugis dalam menjana bangsa bermaruah, progresif dan dihormati serta berminda kelas pertama. Seminar ini sewajarnya dijadikan sebagai satu wadah yang amat positif dalam menggembleng dan memperkasa citra dan jati diri komuniti Bugis Sabah.

Osman Hj. Jamal
Mustapa Abd Talip
Chacho Hj. Bulan
Disember 2008

Perbincangan diteruskan ke bahagian kedua yang membawa pembaca kepada hal-hal berkaitan dengan pembangunan modal insan dan jati diri komuniti Bugis Sabah melalui kecemerlangan pendidikan. Pendidikan memainkan peranan penting untuk memperkasa modal insan yang berkualiti bagi mengisi keperluan negara maju menjelang tahun 2020. Modal insan yang dihasilkan bukan hanya mampu berfikir secara kritis dan kreatif tetapi juga berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baru, mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global yang sering berubah. Menyadari peri pentingnya fungsi pendidikan yang cukup bermakna ini, komuniti Bugis Sabah perlu mengambil peluang untuk memantapkan kecemerlangan pendidikan anak bangsa untuk melahirkan generasi muda Bugis yang memiliki jati diri yang berkualiti tinggi. Dengan memiliki kriteria-kriteria tersebut, bukan sahaja dikecapi oleh individu, komuniti itu sendiri malah memberi sumbangan langsung kepada pembangunan negara bangsa secara holistik.

Pembentangan ketiga merupakan kertas kajian dalam bidang ekonomi dan sumber manusia komuniti Bugis Sabah. Terdapat dua aspek penting yang dibincangkan iaitu penglibatan dan sumbangan komuniti Bugis. Dalam hal ini, sektor ekonomi merujuk kepada penawaran produk dan perkhidmatan yang diberikan oleh komuniti Bugis mencakupi lima sektor iaitu sektor pengangkutan, perladangan, pertanian, peruncitan dan penternakan. Kelima-lima sektor ini merupakan sektor dominan yang diccuburi oleh komuniti Bugis manakala sumber manusia merupakan kajian yang melibatkan bilangan dan jenis jawatan yang dipegang oleh komuniti Bugis di Sabah amnya.

Sementara pembentangan kertas kerja keempat menjurus kepada keperkasaan dan kegemilangan ketamadunan dunia Melayu, dunia Islam seperti yang pernah dikecapi oleh negeri Melaka pada abad ke-15 telah memberi dan meninggalkan banyak pengajaran dan kesan sejarah untuk direnung kembali oleh ummah Melayu masa kini. Komuniti Bugis Sabah yang tergolong dalam kelompok rumpun Melayu perlu mengambil iktibar daripada sejarah kegemilangan negeri Melaka tersebut. Selain itu, sejarah perjuangan Puado yang telah dilantik sebagai Penghulu dan diiktiraf sebagai pemimpin anak negeri daerah Tawau pada abad ke-19 oleh Kerajaan British yang memerintah negeri Sabah (North Borneo) pada masa itu juga perlu direnung oleh generasi komuniti Bugis masa kini, jika martabat bangsa Bugis